Setahun Perjalanan Pekembar*

PADA hari ini telah genaplah pendirian Pertubuhan Kebangsaan Melayu yang dizahirkan di Johor Bahru pada 11 Mei 1946 iaitu setahun kejadiannya. Oleh kerana itu saya mengambil sedikit masa atas kejadian Pekembar itu serta meringkaskan sedikit daripada perkara yang telah dijalankan setahun lepas itu.

Sungguhpun perkara-perkara yang saya akan sebutkan ini sudah diketahui oleh wakil-wakil yang ada di sini tetapi menurut kelaziman maka pada hari yang seperti ini dikehendaki Yang Dipertua menghuraikan dengan ringkasnya kerja-kerja dalam masa setahun itu.

Kemudian daripada telah dicadangkan oleh kerajaan British ura-ura mengadakan Malayan Union di Semenanjung Tanah Melayu ini maka penduduk-penduduk Melayu di merata Semenanjung ini telah membantah dengan sekuat-kuatnya cadangan British yang bermaksud hendak merampas hak raja-raja dan rakyat Melayu di dalam negeri-negeri itu.

Disebabkan bantahan itu dan mustahaknya orang Melayu menyatakan bantahan mereka itu kepada pihak British, maka pada tarikh 1 Mac 1946 suatu persidangan telah diadakan di Kuala Lumpur di mana 41 buah pertubuhan Melayu di merata Semenanjung ini telah menghantar wakil-wakil. Adapun persidangan-persidangan itu telah dinamakan *Malay Congress*. Pada waktu itu beberapa ketetapan telah diambil oleh kongres itu membantah cadangan British dan bagi mengukuhkan lagi *perusahaan* bantahan itu maka pada 11 Mei 1946 diadakan suatu persidangan di Johor Bahru dan ketika itulah zahirnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Pada 1 April, kerajaan British telah melangsungkan kehendak-

---

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Balai Besar, Kota Bharu, Kelantan, pada 11 hingga 13 Mei 1947.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

nya ke atas negeri-negeri Melayu ini dengan mengadakan Malayan Union dan telah pula melantik Pegawai Tinggi bagi Malayan Union pada 1 April 1946 itu juga. Bagi menunjukkan bantahan itu wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan Melayu telah berhimpun di Kuala Lumpur pada 31 Mac dan telah menunjukkan dengan nyatanya kepada pihak British akan kebencian orang Melayu di atas perbuatan British itu.

Dalam perjumpaan itu telah diambil keputusan meminta semua orang Melayu jangan menerima apa-apa jawatan dalam Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union. Begitu juga dipersembahkan kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Melayu jangan menghadiri istiadat pertabalan Gabenor Malayan Union. Selain dari itu bagi menunjukkan bantahan pihak Melayu di atas langkah British itu maka telah diminta supaya orang Melayu seluruhnya mengadakan perkabungan selama tujuh hari.

Lebih kurang enam minggu kemudian daripada dijadikan Malayan Union itu dengan pelawaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu ini telah datang dua orang Ahli Majlis Mesyuarat Orang Ramai British iaitu Kapten L.D. Gammons dan Leftenan Kolonel Rees-Williams. Maka dengan bawaan pihak Pekembar dibantu oleh persekutuan-persekutuan yang ada di tiap-tiap buah negeri kedua-duanya telah dibawa melawat dari Singapura hingga ke Perlis dan dalam perjalanan itu kedua-duanya itu telah dapat memandang, menyaksikan dan mendengar sendiri bantahan Melayu atas kehendak British itu.

Dalam bulan Julai 1946, telah diadakan persidangan Majlis Agung ini di Ipoh dan ketika itu ahli-ahli dan wakil-wakil dalam persidangan itu telah bersetuju memberi kuasa kepada Yang Dipertua dan lain-lain pegawai Pekembar supaya memulakan rundingan dengan pihak British dan butir-butir yang telah diterima itu telah diterangkan dengan seterang-terangnya di Persidangan Majlis Agung di Ipoh itu.

Yang Dipertua Pertubuhan Kebangsaan Melayu telah memulai menjalankan rundingan dengan Gabenor Jeneral dan Gabenor Malayan Union. Terbit daripada rundingan pertama di Pulau Pinang dan kemudiannya di Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Melayu, maka telah diadakan sebuah Jawatankuasa Kerja bagi menimbangkan peraturan-peraturan yang boleh diterima oleh pihak Melayu. Bagi pihak Pekembar, Yang Dipertua dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai Pekembar telah menjalankan rundingan itu dari bulan Julai sampai bulan Disember

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan penyata rundingan-rundingan yang telah dijalankan itu telah dizahirkan pada 24 Disember tahun lalu.

Dalam masa rundingan-rundingan itu dijalankan wakil-wakil pihak Pekembar telah membawa apa juga perkara berkenaan itu untuk mendapat persetujuan Mesyuarat Majlis Agung ini. Rang Perlembagaan itu telah dibawa ke majlis ini dan telah dibahaskan dengan halusnya. Demikian juga rang-rang dalam tiap-tiap negeri itu di Mesyuarat Majlis Agung yang telah diadakan di Alor Setar dahulu.

Maka asas bagi Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu telah dipersetujukan oleh Mesyuarat Majlis Agung ini dan kemudian daripadanya telah dizahirkan Penyata Jawatankuasa itu bagi am. Maka pihak British bagi menyempurnakan kewajipannya kepada bangsa-bangsa lain di Tanah Melayu ini telah mengadakan Jawatankuasa Perundingan dan Penyata Jawatankuasa ini telah dizahirkan bagi pengetahuan umum pada bulan Februari yang lepas.

Oleh kerana pihak Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu tidak berkehendakkan mengakui jawatankuasa yang diangkat oleh Malayan Union supaya menerima perkiraan bangsa-bangsa lain itu maka tiadalah dapat Pekembar ini menyertakan syor hendak mengadakan persidangan di antara wakil-wakil Pekembar, wakil-wakil Raja Melayu serta ahli-ahli Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union.

Adapun wakil-wakil Pekembar telah mengambil langkah tidak bersetuju dan tidak mengakui wakil-wakil Malayan Union itu bagi merundingkan perkara yang berkenaan dengan hak dan faedah-faedah orang Melayu itu.

Disebabkan oleh bawaan pihak Melayu itu maka Jawatankuasa Kerja yang asal itu telah berhimpun di Kuala Lumpur pada 1 hari bulan dahulu bagi menghaluskan syor-syor yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Perundingan itu dan telah ditimbangkan dengan halusnya. Kerana penyata itu belum dapat diterangkan maka tiadalah dapat dinyatakan keadaannya dengan rang yang asal itu. Penyata itu akan dizahirkan tak lama lagi dan akan dibawa ke majlis ini untuk mendapat persetujuan kelak.

Sebelum dikeluarkan penyata itu bangsa-bangsa lain terutamanya di Singapura mencuba hendak memaksakan dirinya berkenaan hal Tanah Melayu dengan mengadakan suatu pertubuhan yang dikatakan *Council of Joint Action*. Adapun ketuanya ialah seorang baba peranakan dan setiausahanya seorang Serani Singapura. Tujuannya

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hendak membantah dengan kuatnya di atas Rang Perlembagaan dari pihak raja-raja, pihak Pekembar dan pihak British itu kerana dikatakan mereka tidak bersesuaian dengan keadaan zaman kerana melebihkan faedah-faedah Melayu. Dengan tujuan dan bantahan itu berupa kuat maka mereka telah berikhtiar mendapatkan anak-anak Melayu mengajak supaya menyertakan tuntutan-tuntutan itu.

Ada juga pihak Melayu yang menyertai langkah bertujuan menuntut Semenanjung Tanah Melayu ini dijadikan sebuah negeri dipunyai sama oleh bangsa-bangsa lain.

Pihak itu telah mengadakan ikhtiar-ikhtiar bagi merupakan bantahan itu seolah-olahnya dengan kehendak ramai serta hendak menunjukkan kepada British dan kepada mata dunia bahawa bantahannya itu disertai oleh bangsa Melayu.

Maka kerana niat dan maksudnya itu tidak berhasil dan kerana harapan berkehendakkan sokongan Melayu itu tidak berjaya, maka ikhtiar yang lain daripada pihak Melayu yang menyertai itu telah mengadakan sebuah badan yang dikatakan mengandungi orang Melayu sahaja sungguhpun tuntutan itu berdiri di atas tuntutan berkehendakkan seratus peratus kemerdekaan Tanah Melayu yang sememangnya hak kepunyaan bangsa Melayu, tetapi mereka terlupa akan dirinya mengaku bukan hak Melayu sahaja bahkan kepunyaan bangsa yang ramai. Maka yang demikian itu adalah dipercayai niatnya itu bukanlah niat yang baik dan tidaklah akan berhasil tujuan mereka itu tetapi pihak orang Melayu masih ada lagi hidup dan akan dihidupkan dalam masa yang akan datang. Demikianlah saya menerangkan dengan ringkasnya berkenaan dengan hal Semenanjung kita ini.

Saya suka juga menyebut sedikit hal lain-lain dalam masa setahun lepas yang berkaitan dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang telah didirikan dengan kehendak umat Melayu yang dijalankan oleh umat Melayu, dikuasakan oleh umat Melayu dan dibantu oleh umat Melayu ini telah mendapat teguran dan cercaan dari pihak yang tidak bersetuju dengan pendiriannya. Hal yang seperti ini bukan sahaja berbangkit di Semenanjung Tanah Melayu ini bahkan terutama sekali di Indonesia. Pihak yang mendatangkan teguran dan cercaan itu tidaklah payah saya nyatakan kerana wakil-wakil tentu faham dari mana datangnya.

Dalam pada itu sungguhpun dituduh Pekembar ini tidak ada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

berkehendak menghubungkan dirinya dengan bangsa yang beramai di Indonesia itu, akan tetapi saya dapat menyatakan bahawa perhubungan itu adalah di antara pihak pegawai-pegawai Indonesia dengan diri saya sendiri iaitu perhubungan yang tidak dimegah-megahkan sehingga sempurna segala yang dicadangkan itu.

Dalam Semenanjung ini adalah diketahui sebahagian daripada penduduknya berasal dari pulau-pulau yang dinamakan Indonesia dan dengan sebab penduduk-penduduk berketurunan Indonesia itu maka hal ini telah diambil peluang oleh pihak yang menjajah itu supaya memecahkan keturunan Indonesia dengan penduduk-penduduk di Tanah Melayu ini. Tetapi mujurlah orang Indonesia itu lebih berakal daripada orang yang mengacumnya itu—pihak penduduk-penduduk keturunan Indonesia yang ada di sini telah bersatu dan menyokong dan bersatu dengan Pekembar.

Dalam pada itu ada pula suatu pihak daripada pecahan bangsa kita sendiri dalam Semenanjung Tanah Melayu ini mencuba hendak menjalankan kehendaknya dengan mengumpankan di hadapan umat Melayu sebuah permata seratus merdeka. Akan tetapi pihak itu tidak pula berkehendak menunjukkan bahaya-bahaya yang ada yang ia sendiri tahu tetapi tidak berani mengeluarkannya.

Dalam masa akan datang saya percaya perhubungan antara Semenanjung ini dengan negara Indonesia itu akan lebih-lebih rapat dan kukuh lagi dan akan menjadi berguna kepada kedua-dua pihak.

Perhubungan itu telah dimulakan tatkala Perdana Menteri Republik Indonesia, Paduka Sutan Shahrir singgah di Singapura terbang dari India hendak balik ke Indonesia dalam masa sedikit minggu dahulu telah diadakan sambutan kerananya di Johor Bahru dan pihaknya telah bermuafakat dan berunding dengan saya sendiri. Dan Paduka Yang Mulia itu telah mengaku bahawa sambutan itu ialah sambutan yang terbesar sekali pernah diadakan kerananya. Sungguhnya itulah suatu keterangan perhubungan di antara Pekembar dengan pihak Republik Indonesia. Insya-Allah dalam masa yang akan datang perhubungan ini lebih rapat dan lebih berfaedah lagi kepada kedua-dua pihak.

Seperkara lagi yang telah berbangkit dalam masa setahun yang lepas ialah di Semenanjung ini telah terlayang jemputan dan pelawaan dari lain-lain negeri mengajak penduduk-penduduk atau wakil-wakilnya supaya melawat ke negeri-negeri itu di atas perkara memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Di Mesyuarat Majlis Agung ini di Alor Setar dahulu pihak majlis ini telah diminta supaya wakil-wakilnya di hantar ke Indonesia berkenaan dengan ekonomi, kononnya jemputan itu ialah terbit daripada Wakil Presiden, Dr. Mohammad Hatta. Perkara ini saya sendiri telah bertanya kepada pegawai-pegawai Menteri Republik Indonesia itu adakah sebenarnya pelawaan daripada Dr. Hatta itu. Jawabnya tidak ada sama sekali. Pegawai itu telah menerangkan lagi dengan berkata jika sekiranya pihak di sana hendak mengadakan pelawaan itu tentulah dengan berperaturan. Adapun sebabnya saya menyebut ini ialah kerana telah didatangkan tuduhan yang menyatakan Pekembar menolak barang apa juga pelawaan terbit dari Indonesia itu.

Begitu juga jemputan ke Persidangan di New Delhi yang telah diadakan oleh Pendeta Nehru itu saya nyatakan bahawa pertubuhan ini tidak akan menyertai sebarang pertubuhan yang ada di Tanah Melayu ini yang memikirkan dirinya ada hak menguasai atau memerintahi Pekembar ini.

Dalam masa setahun yang lalu ini adalah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu terkenal bukan sahaja di Tanah Melayu juga di negeri-negeri yang berjiran dengannya bahkan di Eropah, Amerika dan di lain-lain bahagian lagi.

Pekerjaan-pekerjaannya telah diluaskan dan ditubuhkan lagi maka kerana kerja-kerjanya yang bertambah-tambah itu telah diadakan yang mengurusi berbagai-bagai perkara yang berkenaannya. Semua pejabat itu telah dilantik seorang ketua bagi menjadi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pekembar.

Sungguhpun telah diaturkan pekerjaan pertubuhan ini dengan diadakan berbagai-bagai pejabat akan tetapi tatkala dipandang tanggungan-tanggungan, pikulan dan gerak langkahnya akan datang maka dalam masa persidangan ini akan dibawa suatu cadangan atau syor supaya dapat dikuatkan dengan lebih-lebih kuat lagi tenaga pihak Melayu yang berkembar dengannya. Oleh sebab sekarang ini tiap-tiap pertubuhan yang berkembar itu berdiri di atas dirinya dengan mempunyai tujuannya sendiri maka sukarlah hendak menetapkan pada menyempurnakan muslihatnya itu. Kerana perkara ini akan ditimbangkan di Majlis Mesyuarat ini apabila sampai waktunya kelak maka saya suka mengingatkan iaitu jika kita sungguh berkehendakkan betul-betul bagi faedah dan kegunaan itu susunannya hendaklah dengan lebih kuat dan lebih kemas keadaannya dari

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang ada sekarang ini. Bukanlah maksud saya susunan yang ada ini tidak kemas akan tetapi ialah yang terlebih kemas lagi. Tiada banyak lagi perkara yang hendak saya sebutkan berkenaan perkara ini melainkan dengan meminta kepada wakil-wakil memerhati dengan matanya sendiri dan menimbangkan hal-hal yang telah berlaku pada sesuatu masa dalam Pekembar ini, iaitu hal-hal yang mendatangkan pecah belah atau yang boleh mendatangkan kerosakan kepada pertubuhan ini.

Kerana bermaksud memelihara hak-hak negeri Melayu, meninggikan taraf Melayu dengan jalan menyemaikan perasaan-perasaan kasih kepada tanah air, bangsa dan agama supaya simpulan muhibah lebih rata lagi kepada lapisan-lapisan yang ada di sisi orang Melayu itu maka oleh yang demikian itulah sebabnya Pekembar boleh mengaku dirinya itu seratus peratus pertubuhan Melayu. Bagi pertubuhan yang boleh mengaku yang demikian itu adalah dipercayai wakil-wakil yang ada di majlis ini akan menyampaikan ke negeri masing-masing dan mengajak bangsa kita yang belum mahu lagi menyertai ke dalam gerakan bangsanya itu.

Demikianlah saya tutup ucapan ini boleh banyak perkara yang hendak dijalankan dan sebelum saya duduk saya mengambil peluang menyeru kepada sekalian bangsa kita, adalah seruan itu mengandung seribu kehendak sekiranya dilakukan dengan sebenarnya, iaitu 'Hidup Melayu'.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA